

ISU DAN CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENERAPAN PENDIDIKAN DIGITAL

[ISSUES AND CHALLENGES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN THE IMPLEMENTATION OF DIGITAL LEARNING]

MOHD AMIRUL BASHAH^{1*} & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Received: 14 December 2021

Accepted: 25 December 2021

Published: 3 January 2022

Abstrak: Pendidikan Digital adalah suatu proses pengintergrasian teknologi digital dalam pendidikan bagi guru-guru mencapai objektif-objektif semasa proses Pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) dijalankan. Ianya selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang kini memasuki gelombang ke tiga. Pelan pembangunan yang disediakan ini jelas bagi strategi pengajaran berpusatkan murid berbanding strategi konvensional atau pemusatan guru terutamanya dalam pengajaran Pendidikan Islam. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran Guru Pendidikan Islam berkaitan penerapan Pendidikan Digital dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Sampel kajian adalah di kalangan guru-guru Pendidikan Islam di Tuaran, Sabah. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan dan pemerhatian secara terlibat. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai isu dan cabaran yang harus dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam dalam usaha untuk mengaplikasi teknologi digital dalam pembelajaran dan pengajaran. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat yang penting kepada pelbagai pihak dalam usaha meningkatkan pengintergrasian Pendidikan Digital dalam proses PdPc di sekolah khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kata kunci: Pendidikan Digital, Guru Pendidikan Islam, Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc), Pendidikan Islam.

Abstract: Digital Learning is a process of integration of digital technology in education for teachers to achieve the objectives during the process of Learning and Facilitation (Pdpc) is carried out. It is in line with the wishes of the Ministry of Education Malaysia (MOE) in the Malaysian Education Development Plan (PPPM 2013-2025) which is now entering the third wave. The development plan provided is clear for student -centered teaching strategies as opposed to conventional or teacher -centered strategies especially in the teaching of Islamic Education. Therefore, this study was conducted to identify the issues and challenges of Islamic Education Teachers related to the application of Digital Learning in Islamic Education subjects in schools. The study sample is among Islamic Education teachers in Tuaran, Sabah. The methodology of this study is in the form of literature review and observation in an engaging manner. The results of the study found that there are various issues and challenges that must be faced by Islamic Education Teachers in order to apply digital technology in learning and teaching. It is hoped that this study

can provide important information to various parties in an effort to improve the integration of Digital Learning in the PdPc process in schools, especially for the subject of Islamic Education.

Keywords: Digital Education, Islamic Education Teacher, Learning and Youth (PdPc), Islamic Education.

Cite This Article:

Mohd Amirul Bashah & Hafizhah Zulkifli. 2022. Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Pendidikan Digital [Issues and Challenges of Islamic Education Teachers in The Implementation of Digital Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 43-55.

PENGENALAN

Pendidikan Digital adalah satu medium pendidikan yang mampu untuk mengubah cara ilmu itu disampaikan dan diajar seterusnya mampu untuk menarik minat para pelajar untuk menimba ilmu dengan lebih gigih lagi. Pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan akibat daripada perkembangan Revolusi Industri 4.0. Revolusi Industri merupakan satu bentuk kemajuan dalam peradaban dan ketamadunan manusia (Mohamad, 2018). Peralihan dari zaman pertanian kepada zaman perindustrian menjadikan kehidupan manusia semakin kompleks dan penuh dengan elemen daya saing dalam bentuk yang lebih moden. Revolusi Industri 4.0 adalah berkait rapat dengan aplikasi teknologi moden, pengawalan maklumat dan pengenalan kepada komunikasi era moden selain pertambahan penggunaan peranti pintar dalam kebanyakan urusan seharian manusia. Sejalan dengan itu, Revolusi Industri 4.0 turut memberi impak terhadap dunia pendidikan di Malaysia.

Matlamat Pendidikan Islam adalah melahirkan insan yang berilmu, berkeperibadian mulia, berkemahiran dan bersikap positif untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Bahagian Pendidikan Guru, 1997). Justeru itu perkembangan Revolusi Industri 4.0 ini telah mengubah dunia bermula dengan penggunaan tenaga manusia (Revolusi Industri 1.0) sehinggalah kepada penggunaan automasi dan pendigitalan yang memungkinkan manusia lebih mengoptimumkan fungsi otak (Revolusi Industri 4.0) (Noradilah, Najmi & Mohd Sani, 2020). Maka dengan itu Pendidikan Islam perlu berkembang dan bergerak selari dengan era masa kini agar dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi dunia semasa. Seperti mana yang disampaikan oleh Saiyidina Ali “*Didiklah anak-anakmu sesuai dengan zamannya*”. (Fatin Izati & Farah Hanan, 2021).

Guru Pendidikan Islam perlu bersikap kreatif dan inovatif dalam menggunakan sumber dan media yang sesuai untuk menghasilkan proses Pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) yang menarik. Terdapat banyak platform dan alat digital yang boleh diguna pakai oleh guru Pendidikan Islam itu sendiri semasa melaksanakan Pdpc antaranya ialah menggunakan pelantar pembelajaran seperti *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)*, *Cikgootube*, *EduWebTV*. Penggunaan aplikasi seperti *Google Meet (GM)*, *Zoom*, atau *Microsoft Teams* secara (*live streaming*) turut digalakkan dalam penyampaian Pdpc. Selain itu, ePermainan (*gamification*), video, klip audio, e-Book, rakaman tugas dalam talian melalui aplikasi seperti *Jamboard* juga

digunakan sebagai pengukuhan. Jadual 1 menunjukkan beberapa platform dan alatan pembelajaran digital yang boleh memudahkan komunikasi antara guru dan pelajar (Ashutosh Chauhan, 2018).

Jadual 1 : Platform dan alatan pembelajaran digital.

Pembelajaran Digital	Ciri-ciri	Aktiviti	Jenis
Edmodo	Mewujudkan kumpulan kolaborasi dalam talian, mentadbir dan menyediakan bahan pendidikan, mengukur prestasi pelajar, dan berkomunikasi dengan ibu bapa, serta fungsi-fungsi lain.	Tinjauan Quiz Tugasan Nota Blog Lencana Anugerah Dalam Talian	Alatan
Socrative	Membolehkan pensyarah membuat latihan atau permainan pendidikan	Quiz Soalan Pantas Kehadiran	Sistem
Projeqt	Platform pembentangan dinamik masa nyata (<i>real-time</i>)	Papan pemuka (<i>Dashboard</i>) Paparan/Slide Powerpoint	Platform
Thinglink	Menyimpan dan berkongsi nota dan pemerhatian tentang ruang, situasi dan artifak dunia sebenar	Bahan visual yang disesuaikan	Alatan
TED-Ed	Membolehkan pendemokrasian akses terhadap maklumat, sama ada kepada pensyarah atau pelajar	Ceramah ala TED Perbincangan Berkongsi idea	Platform
ClassDojo	Menambah baik tingkah laku pelajar melalui maklum balas segera	Perkongsian foto, video dan pengumuman melalui 'Class Story'. Mesej peribadi	Alatan
eduClipper	Berkongsi dan meneroka rujukan	Kelas maya	Platform

	dan bahan pendidikan	Rekod digital	
Animoto	Mencipta video berkualiti tinggi dalam masa yang singkat	Kandungan audiovisual	Alatan
Kahoot!	Menggalakkan pembelajaran berasaskan permainan	Soal selidik Perbincangan Tinjauan Pendidikan melalui permainan	Platform

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, terdapat beberapa istilah atau platform yang biasa digunakan oleh guru-guru di Malaysia yang berkaitan dengan Pendidikan Digital (Abdul Bujang et al., 2020). Platform dan alatan digital yang digunakan adalah berdasarkan kesedaran dan pengetahuan guru terhadap pelajar di dalam kelas.

Jadual 2: Platform dan alatan pembelajaran digital.

Pembelajaran Digital	Penerangan
e-Pembelajaran	e-Pembelajaran ialah platform pembelajaran yang menggunakan teknologi elektronik untuk mengakses kursus pembelajaran di mana-mana dan pada bila-bila masa. Platform ini membolehkan pelajar mengakses bahan pengajaran seperti nota, tugas dan video serta boleh melaksanakan kuiz dan ujian melalui persekitaran digital.
Aplikasi Pembelajaran Mudah Alih	Ia merupakan salah satu platform berpotensi yang signifikan yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan menggunakan pelbagai peranti mudah alih seperti telefon pintar, iPod, tablet dan peranti boleh pakai (<i>wearable technology</i>). Kemunculan pelbagai inovasi mudah alih telah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dalam kalangan pelajar untuk membangunkan pembelajaran berkadaran sendiri dan pembelajaran sendiri. Pelajar boleh menggunakan pelbagai jenis aplikasi pembelajaran mudah alih seperti Coursera, Google Classroom atau aplikasi kursus pembelajaran lain yang dimuat turun di Google Play Store.
Pembelajaran Terbuka - Kursus	MOOC ialah salah satu pendekatan pembelajaran sosial yang menyediakan platform pembelajaran terbuka, melalui perkongsian kandungan video mengenai topik pembelajaran melalui rangkaian

Dalam Talian Terbuka Besar- besaran (MOOC)	sosial. Pembelajaran dalam talian ini boleh diakses secara percuma melalui web yang membolehkan pelajar mempelajari kemahiran dalam persekitaran baharu secara sendiri. Platform ini merangkumi pelbagai jenis kandungan kursus yang membolehkan mereka belajar dalam talian pada bila-bila masa.
Berasaskan video	Pembelajaran berasaskan video telah sebatu dengan pelajar generasi baharu. Mereka seronok belajar melalui YouTube, blog sosial dan platform video lain. Walau bagaimanapun, telah menyatakan bahawa menggunakan video dalam talian tanpa aktiviti pembelajaran aktif mengekalkan persekitaran tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran.
Aplikasi Realiti Terimbuh (AR) atau Realiti Maya (VR)	Merupakan model pengajaran dan pembelajaran baharu yang mempunyai keupayaan luar biasa untuk menyokong pendekatan pendidikan 4.0. Peranti ini direka bentuk semula dengan perkakasan berteknologi tinggi yang boleh mencipta latar maya, objek 3D dan berinteraktiviti dengan pelajar. Menggunakan aplikasi AR dan VR seperti Aurasma, Layar, Google Expeditions dan banyak lagi, pelajar boleh mengalami dan melibatkan diri dalam pembelajaran maya. Penggunaan AR dan VR menggalakkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, walaupun berjauhan antara satu sama lain secara fizikal.
Permainan Pendidikan Dalam Talian	Gamifikasi ialah reka bentuk berasaskan elemen dan prinsip permainan untuk meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Beberapa platform gamifikasi yang telah digunakan termasuklah Kahoot! dan Quizziz. Berdasarkan kajian lepas, gamifikasi mampu memberi kesan positif sederhana terhadap pencapaian pelajar dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang mengujakan dalam membina pemahaman pelajar.

Jadual 1 dan jadual 2 menunjukkan platform-platform dan alatan digital yang boleh digunakan oleh guru Pendidikan Islam semasa proses Pdpc dijalankan. Di samping itu, penerapan Pendidikan Digital ini merupakan salah satu amalan kreativiti guru yang boleh diaplikasikan dan bersesuaian dengan pembelajaran abad ke-21 (Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli, 2021).

Berdasarkan Teori Konstruktivisme yang diasaskan oleh beberapa ahli psikologi seperti John Dewey, Lev Vygotsky, Jerome Bruner, Jean Piaget dan Howard Gardner mengatakan pendekatan konstruktivisme adalah lebih terbuka dengan memberi banyak ruang dan peluang

kepada pelajar untuk membina dan memperolehi sendiri ilmu pengetahuan. Persekitaran pembelajaran konstruktivisme berasaskan teknologi dapat menuntut pelajar terlibat dan interaksi dengan lebih bermakna (Madjapuni & Harun, 2019). Teori ini juga dapat membina pemikiran pelajar seterusnya merupakan proses dalam membina pengetahuan melalui pengalaman dirinya sendiri dan dikaitkan dengan dunia sebenar. Menurut Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia - Cognitive Theory of Multimedia Learning (CTML) yang diperkenalkan oleh Richard E. Mayer, multimedia sebagai elemen yang menyokong cara pembelajaran otak secara maksimum dan seseorang itu mampu memahami sesuatu isi kandungan pelajaran berbantuan teks dan gambar rajah berbanding teks sahaja (Amiruddin et al., 2021). Ibnu Khaldun telah memperkenalkan banyak kaedah pendidikan melalui kitabnya Al-Muqaddimah antaranya ialah *Talqin* (Pandang Dengar), *Tadrij* (Berperingkat-peringkat), *Muhakah* atau *Taklid* (Peniruan) dan berbagai-bagai kaedah lagi. Ini membuktikan bahawa pemilihan kaedah pengajaran itu adalah sangat penting bagi guru-guru terutamanya Guru Pendidikan Islam (Zahirwan et al., 2017).

Berdasarkan teori-teori daripada tokoh-tokoh sarjana dapatlah pengkaji simpulkan bahawa Pendidikan Digital adalah bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan seorang muslim yang berkualiti dan berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang dituntut oleh Islam di atas skop-skop pendidikan Islam yang mencakupi pendidikan jasmani, aqli, akhlaq, psikologi dan rohani. Oleh kerana itu, Pendidikan Islam seharusnya dapat memanfaatkan peluang dan ruang ini untuk mengembangkan Pendidikan Islam ke suatu '*standard*' yang lebih tinggi lagi serta menjadikan Pendidikan Digital ini untuk menyokong dan membantu tercapainya matlamat Pendidikan Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan Digital merupakan pendekatan yang mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran (Maimun Aqsha Lubis et al., 2021). Para pendidik bukan sahaja dituntut untuk menguasai pengetahuan kandungan, malahan pengetahuan tentang ilmu teknologi dan pedagogi turut bergerak bersama-sama dalam membina persekitaran yang kondusif menuju pembelajaran abad ke-21 (You Eng & Choon Keong, 2019). Di samping guru-guru Pendidikan Islam menguasai bidang utama seperti Ibadah, Tilawah Al-Quran, Akhlak dan al-hadis, GPI juga perlu menguasai ilmu-ilmu tambahan dalam menggunakan teknologi terkini sebagai kaedah dan teknik pengajaran-pembelajaran (Razila et al., 2019). Namun begitu, dalam usaha untuk menerapkan Pendidikan Digital, terdapat halangan dan cabaran serta isu-isu yang perlu dihadapi oleh para guru. Berdasarkan kepada tinjauan literatur daripada kajian-kajian lepas, terdapat beberapa permasalahan yang berlaku terhadap guru-guru ketika ingin mengaplikasikan Pendidikan Digital dalam Pdpc.

Syuhaidah Sulaiman dan Mohd. Isa Hamzah (2019), menyatakan banyak halangan yang dihadapi oleh guru dalam memartabatkan penggunaan teknologi digital misalnya dari segi sokongan, masa dan fasiliti berkaitan teknologi. Selain daripada aspek kesediaan prasarana seperti gadget dan pengkalan data yang kukuh, aspek penerapan nilai murni turut diutamakan. Hui &

Campbell (2018) menyatakan mahasiswa berkelakuan baik ketika berada dalam talian namun begitu masih gagal untuk mengikuti garis panduan sebagai warga digital yang betul. Dalam aspek kesediaan teknologi pula Richards, Caldwell & Go (2015) telah mengenalpasti bahawa sosial media memberi kesan kesihatan terhadap remaja, terutama sekali kesihatan mental seperti isu-isu buli siber dan '*facebook depression*'.

Nur Hidayah Baharudin & Noor Banu Mahadir Naidu (2021) menyatakan terdapat banyak elemen negatif dalam jejak digital ketika perkongsian maklumat berlaku. Tingkah laku yang baik dalam talian harus diamalkan dalam setiap aspek digital sama ada pendidikan, peribadi atau profesional. Oleh itu, penulis dapat mengetahui terdapat masalah dalam penerapan nilai murni dan pembentukan akhlak pelajar ketika mengaplikasikan Pendidikan Digital semasa Pdpc.

Berdasar kajian oleh Hamzah et. al, (2007) mendapati tahap kesediaan guru terhadap penggunaan teknologi dari aspek pengetahuan adalah pada peringkat sederhana. Ini disokong oleh kajian yang dilaksanakan oleh Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan (2019) menyatakan tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan teknologi digital adalah sederhana. Hal ini menunjukkan banyak isu dan cabaran yang wujud dalam usaha guru-guru Pendidikan Islam untuk menerapkan Pendidikan Digital dalam subjek Pendidikan Islam.

Oleh yang demikian, kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan pelbagai isu dan cabaran dalam melaksanakan Pendidikan Digital semasa proses Pdpc dijalankan. Objektif utama yang ingin dicapai oleh penulis dalam kertas konsep ini adalah agar pembaca dapat: Mengetahui konsep Pendidikan Digital dalam Pendidikan Islam. Mengetahui isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam menggunakan pendekatan Pendidikan Digital semasa proses Pdpc dijalankan.

ISU DAN CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

Terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam dalam menerapkan Pendidikan Digital terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Antara isu dan cabaran tersebut adalah:

Perspektif Masyarakat Terhadap Pendidikan Digital

Secara amnya teknologi digital adalah suatu sistem komunikasi yang berasaskan komputer iaitu "*computer-based communication system*" (William, Sawyer & Hutchinson, 2003). Dengan lahirnya teknologi digital ini membolehkan apa sahaja maklumat dihantar atau diterima melalui peralatan-peralatan yang berteraskan teknologi dengan mudah dan pantas. Namun begitu, tidak dapat disangkal lagi bahawa terdapat perdebatan di antara kesan baik dan buruk terhadap pengaplikasian elemen digital ini. Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Ghaddafi Hanafiah (2015), menyatakan masyarakat melayu terutamanya di kawasan kampung tradisional tertekan dan didesak dengan keperluan untuk mereka menerima penerapan teknologi digital dalam

kehidupan seharian. Banyak isu kekeluargaan yang membuatkan para ibu bapa agak fobia dan trauma dengan budaya digital ini.

Sebagai contoh menghalang kecergasan interpersonal, iaitu hubungan sesama manusia dan menyebabkan kurangnya komunikasi dengan orang di sekeliling. Keasyikan kepada melayari internet, menonton televisyen, menggunakan gadget dan pelbagai sumber teknologi moden yang lain menyebabkan kanak-kanak dan remaja kurang berinteraksi dengan orang lain dan bersikap 'introvert' (Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi & Dharsigah A/P Baniear Salvam, 2018). Masyarakat kita juga lebih menggemari kaedah tradisional atau konvensional dalam sesetengah bidang ilmu contohnya seperti membaca al-Quran dan bab Fekah.

Masyarakat juga berasa bimbang dan takut dengan terdedahnya anak-anak mereka terhadap dunia digital sebagai contohnya masalah buli siber. Menurut Che Awang & Alavi (2019), masalah buli siber mengakibatkan para pelajar mengalami masalah emosi yang tinggi sehinggakan terdapat pelajar-pelajar yang ingin membunuh diri. Selain itu pengaruh gadget juga dilihat menyebabkan para pelajar ketagihan terhadap pornografi (Amirul Ashraaf Norman & Nooraini Othman, 2020). Hal ini jelas menunjukkan mengapa masyarakat agak risau tentang pendidikan digital yang menggunakan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi masa kini.

Amalan Guru Pendidikan Islam Dalam Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Melalui Pendidikan Digital.

Pendidikan di era Revolusi Industri 4.0 menuntut guru Pendidikan Islam perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran teknologi. Pendekatan tradisional atau konvensional hendaklah diperbaharui sejajar dengan hasrat dan tuntutan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu melalui anjakan ke 7: Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (PPPM 2013-2025). Kaedah konvensional seperti memberi kuliah secara sehalu di universiti atau 'chalk and talk' tidak lagi relevan dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. (Fariza Khalid, Md. Yusoff Daud & Mohd. Jasmy (2020). Contoh kaedah yang terkini pada masa sekarang adalah kaedah gamifikasi. Kaedah gamifikasi yang digunakan dalam pendidikan telah berjaya meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam PdPc (Nurhuda & Fariza, 2017). Ini juga disokong dengan kajian oleh (Hafizi et al., 2019) menyatakan gamifikasi dalam pendidikan mempengaruhi motivasi intrinsik dan motivasi akademik responden. Ini menandakan amalan guru Pendidikan Islam dituntut untuk melakukan transformasi ke arah mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif. Ketika ini banyak pendekatan yang boleh digunakan oleh guru Pendidikan Islam semasa proses PdPc berlaku antaranya ialah Whatsapp, Telegram, Zoom, Google Meet, Youtube, Instagram, MsTeams dan sebagainya. Oleh yang demikian, penulis dapat melihat sekiranya guru Pendidikan Islam meneruskan dengan amalan pengajaran yang kreatif dan inovatif, ianya akan dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam bidang Pendidikan Islam dengan lebih baik lagi.

Tahap Kesiediaan Ibu Bapa Dan Murid-Murid Terhadap Penerapan Pendidikan Digital.

Penggunaan peranti dan internet telah menjadi satu *trend* atau “kegilaan” generasi masa kini. Situasi ini termasuklah kewujudan dan penggunaan pelbagai jenis aplikasi yang dapat dimuat turun dan dipasang pada peranti. Guru-guru haruslah bijak dalam mewujudkan minat pelajar terhadap aplikasi berbentuk pendidikan yang tidak boleh dilihat sebagai sesuatu yang formal. Sebagai contoh, perkhidmatan “*mobile-learning*” yang ditawarkan dan pengaruh sosial (penggunaan telefon bimbit dan gajet oleh rakan sebaya) mempunyai kesan positif terhadap penerimaan mobile learning. Menurut Sakini (2020), ibu bapa melahirkan rasa kebimbangan dan mengeluh terhadap kekurangan serta limitasi dalam mengikut Pdpc ekoran capaian internet yang lemah serta ketiadaan peranti elektronik yang sesuai bagi keluarga yang tidak mampu memilikinya. Hasil daripada kajian (Ishak et al., 2020), menyatakan wujudnya ketidakseimbangan dalam akses kepada pembelajaran atas talian yang perlu diberi perhatian utama dan memberikan cabaran terhadap pelbagai pihak dalam merangka pelan pembangunan pembelajaran yang lebih efektif dan efisien. Hal ini yang membuatkan ibu bapa dan para pelajar kurang bersedia untuk menerima pendekatan Pendidikan Digital semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Penguasaan Ilmu Dan Kemahiran Teknologi

Suhid & Fakhrudin (2012), berpandangan Pendidikan Islam merupakan satu sistem atau mata pelajaran yang berakar umbi daripada gagasan pemikiran falsafah. Hakikatnya, gagasan pemikiran falsafah itu adalah pandangan hidup yang telah digariskan dalam Islam. Ia penting dalam membentuk dan melahirkan masyarakat Islam yang berilmu pengetahuan, beriman, bertakwa, berilmu dan berketerampilan. Tanpa gagasan tersebut, kehidupan menjadi tidak terarah, pendidikan tiada hala tuju dan apa juga aktiviti yang dilaksanakan tiada nilainya di sisi Allah (Syuhaidah Sulaiman & Mohd. Isa Hamzah, 2019).

Guru-guru pada abad ke 21 tidak cukup dengan hanya memiliki ilmu pengetahuan sahaja. Mereka dituntut untuk mempersiapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu teknologi dan penggunaannya dalam pembelajaran abad ke 21 (Oster & Peled, 2014). Justeru itu penekanan terhadap penguasaan ilmu teknologi adalah sangat dituntut terhadap para pendidik. Tiga teras pengetahuan perlu dimiliki iaitu teknologi, pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi (Noryana Mohd Nor et al., 2019). Maka seharusnya elemen teknologi hendaklah diambil perhatian oleh para guru dan bukan sahaja menekankan kepada aspek pengetahuan kandungan semata-mata. Subjek Pendidikan Islam turut melibatkan diri dalam beberapa bidang pengajaran dan pembelajaran menggunakan konsep Digital. Sebagai contohnya Al-Quran Digital, Aplikasi Smart Hadith, e-Jawi dan banyak lagi.

Semua aplikasi ini adalah bertujuan untuk memudahkan guru-guru Pendidikan Islam mengajar semasa proses PdPc berlangsung. Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan, (2019) menyatakan tahap kesiediaan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah melalui aspek ilmu pengetahuan berada pada tahap yang tinggi. Ini juga disokong oleh Syuhaidah Sulaiman & Mohd.

Isa Hamzah (2019), yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan, tahap penggunaan, tahap kesedaran dan juga sikap guru Pendidikan Islam turut berada ditahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam sekarang sudah banyak melakukan transformasi ke arah gaya atau pendekatan Pendidikan Digital berbanding kaedah konvensional dalam proses Pdpc.

Beban Tugas Guru Pendidikan Islam

Profesion perguruan merupakan profesion yang sangat mencabar memandangkan tugasnya yang begitu banyak dan tanggungjawab yang begitu berat. Beban tugas yang banyak telah menimbulkan kerumitan, ketidakpuasan hati dan keletihan emosi kepada guru. Tugas guru bukan sahaja mengajar dan mendidik pelajar bahkan lebih daripada itu iaitu membentuk masyarakat yang berkualiti (Rosnah & Siti Nur Fatimah, 2018). Menurut Sivajothy (2014), mendapati bahawa tahap motivasi pengajaran guru hanya berada pada tahap sederhana. Beban tugas, motivasi, dan keefisienan kerja guru merupakan salah satu isu kajian yang dikaji bukan sahaja di dalam negara bahkan dikaji di luar negara. Beban tugas yang berlebihan telah memberikan kesan terhadap motivasi guru dan seterusnya memberi kesan terhadap keefisienan kerja guru (Antin & Ag Kiflee@Dzulkifli, 2018).

Tuntutan terhadap penerapan penggunaan teknologi digital menjadi satu bebanan kepada sesetengah guru di mana mereka lebih menggemari cara atau kaedah yang tradisional. Namun begitu para guru Pendidikan Islam hendaklah berusaha untuk meningkatkan mutu pengajaran agar ianya lebih sesuai dengan keadaan semasa. Walaupun ianya boleh dianggap suatu bebanan tetapi sebagai seorang pendidik perlulah sentiasa mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan memastikan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu agar dapat disampaikan dengan lebih berkesan seterusnya pembentukan modal insan dapat dihasilkan dengan lebih sempurna (Razila et al., 2019).

Cabaran Penerapan Nilai Murni

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam Pendidikan Digital ini adalah mengenai penerapan nilai murni. Menurut Majid (2012), menyatakan nilai murni ditakrifkan sebagai nilai-nilai positif yang membentuk tingkah laku yang baik, beradab dan menjaga hubungan sesama manusia dan tuhan. Kasran (2011), menyatakan nilai murni merupakan salah satu elemen yang dapat mencorak budaya mengikut zaman dan juga faktor persekitaran.

Menurut pendapat oleh Al-Attas mengatakan orang yang terpelajar adalah orang yang baik. Baik yang dimaksudkan adalah yang beradab. Oleh itu orang yang menuntut ilmu itu adalah seorang yang beradab (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2020). Nilai murni, akhlak dan adab merupakan tunjang dalam membina sahsiah, personaliti, kekuatan moral, sosial dan kerohanian dalam diri setiap individu. Untuk menghasilkan generasi yang memiliki sahsiah yang baik, penerapan elemen nilai murni perlu dijadikan teras utama dalam sistem pendidikan di sekolah (Abd Rahim, 2001). Kegagalan dalam menerapkan nilai murni dalam sistem Pendidikan mampu menghancurkan sesebuah tamadun dan juga negara (Hassan Langgulung, 1993).

Sebagai pengguna warga digital, para pelajar hendaklah menjadi warga digital yang beretika. Mestilah mempunyai sikap kebertanggungjawab terhadap penggunaan teknologi secara betul dan berhemah (Nur hidayah Baharudin & Noor Banu Mahadir Naidu, 2021). Akibat daripada terlalu terdedah dengan internet, mengakibatkan banyak kesan buruk yang boleh mempengaruhi para pelajar seperti penipuan siber, buli siber, pornografi, kecurian identiti dan berbagai lagi. Oleh itu, cabaran bagi guru Pendidikan Islam adalah bagaimana hendak memastikan para pelajar ini beretika dan mengamalkan nilai-nilai murni semasa menerapkan Pendidikan Digital kepada mereka. Salah satu usaha yang boleh dilaksanakan ialah dengan menerapkan elemen Digital Etika dalam pengajaran Pdpc. Justeru itu, penekanan terhadap pembentukan akhlak dan nilai murni hendaklah diutamakan walaupun guru Pendidikan Islam menggunakan pendekatan Pendidikan Digital semasa pdpc. Tuntutan terhadap Pendidikan Digital bukan bermaksud kita harus meninggalkan bidang akhlak dan nilai murni.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, para guru Pendidikan Islam hendaklah mengorak langkah ke arah pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif. Terdapat pelbagai medium dan platform digital yang dapat diterapkan dalam bidang-bidang Pendidikan Islam seperti Tilawah Al-Quran, Ibadah, Akhlak dan Sirah. Namun terdapat beberapa isu dan cabaran yang harus diperhalusi agar tidak berlaku kerencatan dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan. Semua pihak harus bekerjasama dan berganding bahu untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para guru di Malaysia terutamanya guru Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid. 2001. *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Bujang, S. D., Selamat, A., Krejcar, O., Maresova, P., & Nguyen, N. T. 2020. Digital learning demand for future education 4.0-case studies at Malaysia education institutions. *Informatics*, 7(2), 1–11.
- Ahmad Zaki Amiruddin, Zulazhan Ab. Halim & Nurkhamimi Zainuddin 2021. Teoritis Reka Bentuk dan Pembangunan Kursus Bahasa Arab Dalam Talian. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 4(1): 1–13.
- Amirul Ashraaf Norman & Nooraini Othman. 2020. Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Remaja : Pornography Addiction Among Adolescents : Factors and Implications on Adolescent Personality. *Jurnal Melayu*: 19(2): 205-215.
- Arzizul Antin & Dg Norizah Ag Kiflee @Dzul kifli. 2018. Pengaruh Beban Tugas dan Motivasi Terhadap Keefisienan Kerja Guru Sekolah Menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)* 3(2): 77–84.

- Suriana Che Awanga & Khadijah Alavib. 2019. Buli siber: impak emosi dalam kalangan pelajar UKM cyber bully: emotional impact among UKM students. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research* 1(4): 83–94.
- Fatin Izati & Farah Hanan. 2021. Pendidikan Digital Era Ri 4.0. Dlm. Pendidikan Islam. *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021), 2021(APRIL)*, hal. 436–451.
- Shariful Hafizi Md Hanafiah, Abd Hakim Abdul Majid & Kamarul Shukri Mat Teh. 2019. Gamifikasi dalam pendidikan: satu kajian literatur (Gamification In Education : A Review). *Asian People Journal* 2(2), 31–41.
- Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat. 2020. Pembelajaran atas Talian : Tinjauan terhadap Kesiediaan dan Motivasi dalam kalangan pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan , Politeknik Seberang Perai , Pulau Pinang (Online Learning : An overview of Readiness and Motivation among Diplom. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(4), 68–82.
- Mad Noor Madjapuni & Jamaluddin Harun. 2019. Digital Dalam Persekitaran Pembelajaran Critical Thinking Skills Through Digital Games in. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(28): 73–83.
- Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham Kamis, Sohaina Mohd Salleh, Zunidar, Usiono, Eka Yusnaldi, Siti Hajar Taib, & Ikwan Lubis. 2021. Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik Covid 19 Di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4(January): 1–23.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, & Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2015. Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia (The Impact of New Media on The Malay System in Malaysia). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2): 33–46.
- Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah. 2018. Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *UMRAN - International Journal Of Islamic and Civilizational Studies* 5(1): 87–99.
- Noryana Mohd Nor, Corrienna Abdul Talib, Nur Wahidah Abd Hakim, Marlina Ali, Sharifah Osman, & Nor Hasniza Ibrahim. 2019. Penggunaan Sumber ICT dalam Pengajaran Kimia: Cabaran kepada Guru Masa Kini. *Innovative Teaching and Learning Journal* 2(2): 82–88.
- Nur Adibah Liyana Awi, & Hafizhah Zulkifli. 2021. Amalan kreativiti guru pendidikan islam dalam pembelajaran abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4(1): 40–54.
- Nur hidayah Baharudin, & Noor Banu Mahadir Naidu. 2021. Penerapan konsep REP kewarganegaraan digital dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai warganegara digital. *EDUCATUM – Journal of Social Science*, 7(1): 30–44.
- Oster, A., & Peled, Y. 2014. Technological pedagogical content knowledge in pre-service teacher education: Research in progress. *Springer Proceedings in Complexity*, hal. 41–47..

- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. 2019. Amalan kualiti guru Dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research* 1(4): 1–23.
- Rosnah Ishak & Siti Nur Fatimah Rusman. 2018. Prestasi kerja Guru Dan Hubungannya Dengan Faktor Beban Tugas, Persekitaran Kerja Dan Personal : Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Di Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 5(1): 32–46.
- Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan. 2019. Tahap Keperolehan Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi Mudah Alih Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(6): 82–89.
- Syuhaidah Sulaiman, & Mohd Isa Hamzah. 2019. Penggunaan ICT Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *International Conference on Global Education VII "Humanising Technology For IR 4.0," 2002*, hal. 1–2.
- You Eng, C., & Choon Keong, T. 2019. Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan di Malaysia: Satu Kajian Meta Analisis. *Journal Of ICT In Education* 6: 86–95.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Pisol Maidin, Muhammad Yusri Yusof, Paiz Hassan, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Abd Munir Mohd Noh & Muhammad Imran Abd Razak. 2017). Pandangan Ibnu Khaldun Berkaitan Kaedah Pendidikan Dalam Kitab Al-Muqaddimah. *Ideology* 2(1): 26–35